


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL  
VANDALISME  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1991**

**P.U.(A) 51/91**

**SENARAI PINDAAN :**

<b>BIL.</b>	<b>NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)</b>	<b>TARIKH DIWARTAKAN</b>	<b>CATITAN</b>
1	P.U.(A) 369/2002		
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 35  
No. 3

7hb Februari 1991

TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN (A)

---

P.U. (A) 51.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1991

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kesalahan-kesalahan.
4. Penalti.
5. Kuasa menyita dsb.
6. Kos dan pampasan.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME (WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1991

- Aktu 171* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:
- Nama dan pemakaian.* 1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Vandalisme (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991** dan hendaklah terpakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Tafsiran.* 2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
- “binatang” termasuk burung, serangga dan hidupan air;
- “Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur;
- “harta Datuk Bandar” ertinya apa-apa harta alih atau harta tak alih yang dipunyai, dibina, diurus, disewa atau diselenggara oleh Datuk Bandar yang terletak atau yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan termasuk kerja yang dijalankan oleh Datuk Bandar dan mana-mana binatang, pokok, tumbuh-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan atau kawalan Datuk Bandar;
- “kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Datuk Bandar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam atau di bawah mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Kesalahan-kesalahan.* 3. Tiada seorang pun boleh, melainkan jika kebenaran atau kuasa baginya diberikan secara bertulis oleh Datuk Bandar—
- (a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa jua pun pada mana-mana harta Datuk Bandar;
- (b) melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau memamerkan apa-apa poster, pelekak, iklan, surat tempelan, peringatan, kertas atau apa-apa dokumen pada mana-mana harta Datuk Bandar;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan memamerkan atau menunjukkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, bendera lambang atau yang menyerupai perkataan slogan, karikatur, lukisan, tanda, simbol atau apa-apa barang pada mana-mana harta Datuk Bandar;

- (d) memakukan, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda pada mana-mana harta Datuk Bandar;
- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencatkan, memusnahkan atau merosakkan apa-apa harta Datuk Bandar;
- (f) membuat ubahan kepada apa-apa harta Datuk Bandar;
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipertunjukkan, digantung, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkut oleh Datuk Bandar;
- (h) meludah, kencing atau membuang air besar di dalam atau pada mana-mana harta Datuk Bandar kecuali di tempat yang telah disediakan bagi maksud itu;
- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Datuk Bandar;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Datuk Bandar;
- (k) mengorek atau mengalih tanah dari mana-mana harta Datuk Bandar;
- (l) memerangkap, menangkap, membunuh, memberi makan atau mengganggu apa-apa binatang yang di bawah penjagaan dan kawalan Datuk Bandar;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada digerakkan secara bersawat atau dengan cara lain atau meluncur dengan skate pada mana-mana harta Datuk Bandar yang bukan untuk maksud itu; atau
- (n) membuat apa-apa yang boleh menyebabkan kerosakan harta Datuk Bandar.

4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penalti

5. (1) Datuk Bandar boleh—

- (a) mengalihkan apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampal, diikat, disimpul, dirantai, dipakukan, dilekatkan, disangkut, dipertunjukkan atau dipamerkan pada mana-mana harta Datuk Bandar yang berlanggaran dengan Undang-Undang Kecil ini; atau

Kuasa menyita  
dsb.

(b) memadam apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda, cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang pada mana-mana harta Datuk Bandar yang melanggar dengan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

6. Mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah membayar Datuk Bandar apa-apa kos yang ditanggung oleh Datuk Bandar bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 5 dan hendaklah membayar pampasan kepada Datuk Bandar bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan terhadap harta Datuk Bandar semasa perlakuan kesalahan itu.

Diperbuat pada 17hb Disember 1990.  
[PHEU<sup>2</sup>. 12/90; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/23.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,  
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan pada 4hb Januari 1991.

DR MAHATHIR BIN MOHAMMAD,  
*Perdana Menteri*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
BY-LAWS 1991

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-Law

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Offences.
4. Penalty.
5. Power of seizure etc.
6. Costs and compensation.

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
BY-LAWS 1991

- IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:
- Section 171.**
- Citation and title.** 1. These By-Laws may be cited as the **Vandalism (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1991** and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.
- Interpretation.** 2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—
- “animal” includes bird, insect and aquatic life;
- “Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur;
- “Commissioner’s property” means any movable or immovable property owned, constructed, managed, leased or maintained by the Commissioner situated or being in, under or over by public or private place within the Federal Territory of Kuala Lumpur and includes any works undertaken by the Commissioner and any animal, tree, plant, grass, river, lake and stream which is under the care or control of the Commissioner;
- “works” means any works undertaken by the Commissioner under any written law being in or under any public or private place within the Federal Territory of Kuala Lumpur.
- Section 172.** 3. No person shall, unless the permission or authority for it is given in writing by the Commissioner—
- (a) write, draw, paint, spray, mark, scribble, scratch or inscribe any word, slogan, caricature, symbol or anything on any Commissioner’s property;
  - (b) affix, post-up, exhibit or display any poster, placard, advertisement, bill, notice, paper or other document on any Commissioner’s property;
  - (c) hang, suspend, hoist, affix, exhibit or display any flag, bunting, standard, banner or the like with any word, slogan, caricature, drawing, mark, symbol or other thing on any Commissioner’s property;
  - (d) nail, tie, bind or chain any thing on any Commissioner’s property;
  - (e) steal, remove, interfere, tamper with, displace, deface, destroy or damage any Commissioner’s property;
  - (f) make any alteration to any Commissioner’s property;

- (g) remove, displace, tamper with, deface, damage or destroy anything which is displayed, hung, erected, affixed, hoisted or fastened by the Commissioner;
- (h) spit, urinate or defecate in or on any Commissioner's property unless in a place provided for that purpose;
- (i) contaminate or pollute the water in any fountain, swimming pool, river, lake or stream which is under the care and control of the Commissioner;
- (j) cut, dig, remove, pluck, uproot, damage or destroy any tree, plant, flower, leaf or branch of any tree or plant or grass which is under the care and control of the Commissioner;
- (k) excavate or remove any earth from any Commissioner's property;
- (l) trap, catch, kill, feed or disturb any animal which is under the care and control of the Commissioner;
- (m) ride, drive, push or pull any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or slide with a skate on any Commissioner's property which is not permitted for the purpose; or
- (n) do any act which may cause damage to the Commissioner's property.

4. Any person who contravenes any of the provisions of these By-laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment not exceeding one year or to both. Penalty.

5. (1) The Commissioner may— Power of seizure etc.

- (a) remove any thing found hung, hoisted, posted-up, tied, bound, chained, nailed, affixed, suspended, displayed or exhibited on any Commissioner's property in contravention with any provisions of these By-laws; or
- (b) obliterate any writing, drawing, painting, mark, scribble, scratch or inscription made by any person on any Commissioner's property in contravention of these By-laws.

(2) Any act of the Commissioner under paragraph (1) shall not be construed as to preclude any person from liability to prosecution for any offence against any of the provisions of these By-laws.

6. Any person who is found guilty of an offence under these By-laws shall pay the Commissioner any costs incurred by the Commissioner Costs and compensation.



for carrying out the provisions of by-law 5 and shall compensate the Commissioner for any damage done to the Commissioner's property during the commission of the offence.

Made the 17th December 1990.  
[PHEU<sup>2</sup>. 12/90; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/23.]

TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR,  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed the 4th January 1991.

DR MAHATHIR BIN MOHAMMAD,  
*Prime Minister*

P.U. (A) 52.

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969  
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA  
(PERBEKALAN) 1991

*Akta 4.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 72 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

*Nama.* 1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Perbekalan) 1991.**

*Pengeluaran  
Untuk  
Pentadbiran  
bagi tahun  
1991.* 2. Maka hendaklah dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua puluh tiga juta tiga ratus ribu ringgit (\$23,300,000.00) dari Kumpulanwang Pencen Ilat dan Kumpulanwang Bencana Kerja yang hendaklah dibahagikan mengikut nisbah empat puluh lima peratus daripada Kumpulanwang Pencen Ilat dan lima puluh lima peratus daripada Kumpulanwang Bencana Kerja bagi perbelanjaan untuk pentadbiran Rancangan Keselamatan Sosial bagi tahun 1991.

*Penguntukan.* 3. Wang yang disebut dalam peraturan 2 hendaklah diuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL  
(Peraturan 3)

Maksud-maksud Yang Baginya Wang Hendaklah Diuntukkan

<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Penguntukan</i>
Emolumen	\$ 9,856,700.00
Bekalan dan Perkhidmatan	10,253,000.00
Aset	3,106,000.00

**P.U.(A) 369/2002**



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 46  
No. 18

**5hb September 2002**

*TAMBAHAN No. 90  
PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 369.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat dan Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

**Nama**

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Vandalisme (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2002.**

**Pindaan undang-undang kecil 3**

2. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil Vandalisme (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 [*P.U. (A) 51/91*] dipinda dengan memotong perkataan “, melainkan jika kebenaran atau kuasa baginya diberikan secara bertulis oleh Datuk Bandar”.

Dibuat 4 Julai 2002  
[JHEU2/12/90; PN(PU<sup>3</sup>)328/23]

KOLONEL DATUK MOHMAH SHAID BIN MOHD. TAUFEK  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

Disahkan 30 Julai 2002

DATO' SERI ONG KA TING  
*Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISME (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
(AMENDMENT) BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by sections 102 and 103 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes and the Minister confirms, the following by-laws:

**Citation**

1. These by-laws may be cited as the **Vandalisme (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2002**.

**Amendment of by-law 3**

2. By-law 3 of the Vandalisme (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1991 [P.U. (A) 51/91] is amended by deleting the words “, unless the permission or authority for it is given in writing by the Commissioner”.

Made 4 July 2002  
[JHEU2/12/90: PN(PU<sup>2</sup>)328/23]

KOLONEL DATUK MOHMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Confirmed 30 July 2002

DATO' SERI ONG KA TING  
*Minister of Housing and Local Government*